



Berita PKINK

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

فِرْدَانِي كَمَا جِوَانَا قِصَابِي كَلْبِي

Bil. 1/2003

Jan-Mac 2003

Edaran PERCUMA

PERUTUSAN HIJRAH DARI KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Dan katakanlah: Bekerjalah kamu, maka Allah dan RasulNya dan orang-orang yang beriman akan melihat pekerjaan kamu dan kamu akan dibentukkan kepada Tuhan kamu. Maka Allah akan memberi segala yang baik (yang terpuanyai) dan yang terpuanyai, yaitu dibentukkan kamu menjadi apa yang kamu kerjakan itu.

(Surah Al-Taubah, Ayat 105)

bermula pada tahun 2000. Ini adalah satu kejayaan bersama. Pada tahun ini kita berazam bagi menyediakan akaun yang disatukan dalam jangka masa waktu yang telah ditetapkan oleh Jabatan Audit Negara.

Bajet 1424/2003 telah pun dibentang dan dituluskan oleh Lembaga Perbadanan & Lembaga-Lembaga Syarikat Anak. Adalah menjadi hasrat kita bahawa Kumpulan PKINK akan mencatat keuntungan melebihi keuntungan tahun 1423/2002. Sepertimana saya tekankan di dalam mesyuarat-mesyuarat Pengurus Besar-Pengurus Besar Syarikat Anak, bahawa apa yang telah kita rancangkan di dalam Bajet 1424/2003 hendaklah dicapai. Target yang telah ditetapkan adalah tinggi tetapi saya penuh yakin kita dapat capai sekiranya kita kerja keras dan bekerja secara berpssukan. Penyusunan semula pengurusan atasan, baik di peringkat PKINK mahupun di peringkat Syarikat Anak adalah semata-mata dengan hasrat untuk mencapai maffamat Bajet ini. Kita telah menumpukan masa yang banyak untuk persiapan Bajet. Adalah selalu diingatkan dan di sini diingatkan kembali bahawa penyediaan Bajet bukanlah perkara 'routine', ia adalah satu exercise yang serius dan hanya hendaklah menjadi panduan dan bahan rujukan kepada Pengurus-Pengurus Besar dan Pengurus-Pengurus Bahagian.

Bahagian Korporat sedang merangka satu pelan 'Perancangan Strategik Kumpulan Perbadanan' bagi tempoh 5 tahun. Rangka yang disiapkan oleh Bahagian Korporat ini akan dibincang dan ditulus oleh semua Pengurus-Pengurus Bahagian dan Pengurus Besar-Pengurus Besar Syarikat Anak. Adalah diharapkan semua yang terlibat akan memberi sumbangan dan komitmen yang diperuntukan.

Akhirnya saya menyeru seluruh warga kerja Kumpulan PKINK dan serendah-rendah hingga satinggi-tingginya supaya menaam azam untuk bekerja keras, penuh dedikasi, ikhlas dan amanah demi kejayaan Kumpulan. Dalam kata lain, budaya bekerja secara Islam iaitu 'Ubudiyah, Masuliyah & Itqan' hendaklah menjadi amalan kita. Adalah mustahil untuk mencapai kejayaan sekiranya Kumpulan Pengurusan sahaja yang bekerja kuat tanpa mendapat kerjasama dan komitmen daripada Kumpulan Sokongan. Justeru itu networking yang sihat serta kasih sayang antara semua warga kerja adalah sesuatu yang wajib bagi meraih kejayaan tahun 1424/2003. InshaAllah kita akan berjaya. Allah swt berfirman:-

'Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya akan dibenkan jalan keluar yang mudah apabila bertemu dengan masalah, dan Dia juga akan memberkahi rezeki yang banyak sehingga tidak boleh dihitung lagi'.

(Surah At-Talaq, Ayat 2)

Sekian, Wassalam.

Alhamdulillah syukur ke hadirat Allah swt kerana dengan limpah taufik dan hidayahNya kita dipanjangkan umur untuk menyambut Tahun Baru Hijrah 1424. Sebagai umat Islam, kita seharusnya membesarkan kedatangan bulan Muharram, yang merupakan bulan pertama dalam Kalendar Hijrah. Sehubungan dengan itu, adalah amat wajar bagi kita untuk menilai kembali apakah kerja-kerja yang telah dibuat sepanjang tahun 1423H mengikut lunas-lunas Islam yang boleh dikira sebagai amal soleh. Perlu juga kita membuat azam baru bagi tahun 1424H untuk memperelokkan diri, meningkatkan kualiti kerja kita, selaras dengan tuntutan agama.

Alhamdulillah, Tahun Hijrah 1423 telah kita lalui dengan sedikit kejayaan. Saya melihat telah mula wujud semangat kumpulan. Semangat inilah yang perlu dipupuk. Kita harus sedar bahawa Kumpulan PKINK adalah Kumpulan Korporat yang terbesar di Kelantan. Dengan teras perniagaan kumpulan yang terdiri daripada sektor-sektor Hartanah & Pembinaan, Perlindungan, Pertanian, Pelancongan, Perakayuan, Perkhidmatan dan Perlombongan adalah dikira sudah meliputi semua bidang yang sekiranya ditadbir urus dengan baik pasti boleh membawa manfaat yang menyeluruh kepada rakyat Negeri Kelantan.

Program Lawatan Kerja Korporat oleh Majlis Eksekutif dan Bahagian Audit Dalam & Naziran ke bahagian-bahagian dan syarikat-syarikat anak adalah bertujuan untuk melihat, bertukar pendapat, menilai dan seterusnya memantau perjalanan bahagian-bahagian dan syarikat-syarikat anak. Tindakan awal bahawa Kerja Bahagian Audit dan Naziran ialah untuk melihat sejarah dan mencari kelemahan dan kesiapan untuk lagi relevan. Kerja audit sekarang ialah untuk membantu kumpulan, mempraktikkan 'takan audit', saling lengkap-melengkapi, supaya pada tahun Hijrah 1424 ini kumpulan kita dapat mengamalkan prinsip tadbir urus yang baik dan cemerlang.

Adalah dimaklumkan bahawa kita telah berjaya menyediakan akaun yang disatukan i.e 'Consolidated Account', bagi kumpulan kita.



Dari Editor

"Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berglagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur lagi membungga diri".

(Surah Luqman, Ayat 18)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah syukur ke hadirat Allah swt. kerana dengan limpahan taufik dan hidayahNya kita aman melabuhkan tirai tahun lepas dan dengan berkat sejahtera seadanya kita kembali membuka mata, menarik nafas lega serta meneruskan kehidupan pada tahun ini yang kehangatan cabarannya baru bermula. Sesungguhnya hidup dan nikmat kehidupan yang kita kecapai hari ini merupakan anugerah Allah yang amat bermakna lantaran perlu diteruskan dengan penuh rasa syukur, hamba dan redha. Redha akan qada' dan qadar, akur serta patuh kepada suruhan dan perintahNya jua.

Meneruskan kehidupan tidak memadal sekadar berpeluk tubuh dan bergoyang kaki menikmati segala kemudahan dan keistimewaan yang tersedia. Hidup adalah satu tanggungjawab dan satu perjuangan. Kita bertanggungjawab dalam memanfaatkan segala keistimewaan kita sebagai manusia; makhluk Allah yang paling berdarjat. Berpeluk tubuh kerana berpuas hati dengan pencapaian sebelumnya yang tidak seberapa dan berdiam diri tanpa tindakan baru kerana takut mengundang risiko tidak akan membawa kita kemana sebaliknya kita akan terus terbelenggu dan dilingkari kemelut lama. " Hanya mereka yang berani menghadapi kegagalan akan mencapai kejayaan". (Robert Francis Kennedy).

Realiti dan kesahihan fakta tidak boleh disangkal. Kecemerlangan sesebuah organisasi bukannya disumbangkan oleh segelintir atau sesuatu kumpulan sebaliknya kita seluruh anggota adalah pendokong dengan pelbagai peranan; kebolehan adalah sumbangan. Merangkumi segala bentuk pengetahuan, pengalaman dan kebolehan yang

seterusnya dilah sebagai kepakaran sebuah kumpulan pasti dapat dijadikan perisai serta penggempur yang berkesan. " Kita perlu ikhlas terhadap kerja, setia pada janji dan hormati rakan-rakan kita". (Henry David Thoreau).

Sebagai pendokong organisasi yang berhemah, kita anggota PKINK disaran supaya memahirkan diri seadanya kerana masa sentiasa terhad, tidak pernah menunggu bermakna kita jugalah yang sering terlewat yang akhirnya kecundang. Melabelkan diri sendiri sebagai komited kepada kerjaya perlu dihindari kerana ianya belum pasti menjadi trademark kita. "Kebijaksanaan yang paling jitu bagi setiap orang adalah sedar akan kebolehan serta keupayaan diri dan mengetahui yang kita tidak tahu apa-apa". (Socrates). Kesedaran ini akan menginsafkan kita lantaran redha menerima kehadiran dan menghargai pandangan serta kebolehan orang lain dengan seadanya. " Kepimpinan adalah satu seni untuk membuatkan seseorang melakukan sesuatu yang kita ingin selesaikan bukan kerana diarah tetapi rela melakukannya". (Dwight D. Eisenhower).

Persefahaman dan keharmonian ditempat kerja merupakan wadah yang membolehkan kita bekerja sebagai sebuah pasukan. Kita perlu mengelakkan ketegangan. Jangan sekali-kali kita mengumpat dan bangkitkan pertengkaran. Tumpukan kepada sesuatu isu dan isi secara terbuka biarpun maklum balas dan pendekatan yang berbeza. "Jangan dipedulikan siapa yang akan mendapat pujian atas kerja-kerja dan kecemerlangan yang telah disumbangkan". (Benjamin Jowett). Kita tidak akan terus jatuh apabila dikeji dan kita juga tidak terus berada di atas biarpun dipuji. "Kita adalah apa yang selalu kita lakukan. Keunggulan bukan sebuah lakonan tetapi adalah satu sifat dan tabiat". (R.Bobby). Kita sesama kita perlu hapuskan jurang, hindari sebarang polemik yang pastinya menggugat ketenteraman dan membantut kelancaran organisasi demi meraih kegemilangan di puncak sebagaimana yang kita impikan.

(Salam Editor)

Penaung

Tuan Hj. Hanifa Ahmad

Ketua Editor

Tuan Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir

Editor

Datin Hjh. Norsiah Musa

Penolong Editor

En. Ahmad Hilmi Mohd. Nawawi
Pn. Ahlaami Hj. Ab. Halim
Pn. Nik Farzimar Nik Omar
En. Mohd. Ramli Hamzah
En. Wan Azizan Wan Yaakub
YM. Tengku Petra Tengku Wook

Jurufoto

En. Mohd. Ghazali Mahmood



Berita PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
Tingkat 8—11, Bangunan PKINK
Jalan Tengku Maharani
Peti Surat 142
15710 Kota Bharu
KELANTAN.

Rekabentuk dan dicetak Oleh:

DIAN DARULNAIM SDN. BHD.
5315 A, Jalan Sultan Yahya Petra
Peti Surat 150
15710 Kota Bharu
KELANTAN.

KELSTONE DAN ENCOLINE TANDATANGANI PERJANJIAN USAHASAMA



Kelstone Sdn. Bhd., salah sebuah Syarikat Anak dalam Kumpulan PKINK yang telah diberi mandat dan tanggungjawab untuk menjalankan aktiviti-aktiviti perlombongan telah berusaha secara lebih giat. Pada 23 Zulhijah 1423 bersamaan 25 Februari 2003 (Selasa), Kelstone telah menandatangani Perjanjian Usahasama dengan Encoline Sdn. Bhd. Perjanjian ini adalah untuk menjalankan aktiviti serta kerja-kerja pengkuarian Marmor di Bukit Gua Botak. YB. Tuan Hj. Ahmad Yakob sebagai Pengerusi dan Ybng. Tuan Hj. Hashim Bani Ab. Hamid sebagai Ahli Lembaga Pengarah telah menandatangani perjanjian tersebut bagi pihak Kelstone manakala Encoline telah diwakili Ybng. Dato' Dr. Illias Husain selaku Pengerusi Eksekutif dan Ybrs. En. Shalah Huddin Che Husin selaku Pengarah Syarikat.

Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK dalam ucapan alu-aluannya pada majlis tersebut berkata, aktiviti perlombongan merupakan sesuatu yang agak baru bagi Kumpulan PKINK. Walaupun begitu ianya bukanlah sesuatu yang mustahil untuk diterokai dengan berkesan dan jayanya. Apa yang paling penting ialah tekad dan komitmen yang tinggi dari semua pihak yang terbabit. Melalui perjanjian yang dimetrai pada hari ini, beliau menaruh harapan yang tinggi agar usahasama antara Kelstone dan Encoline yang membawa kepada kewujudan sebuah syarikat untuk beroperasi iaitu Neauston akan mampu mencetus idea dalam konteks menjalankan aktiviti pengkuarian secara aktif dan berkesan. Kelangsungannya ialah memberikan pulangan kepada PKINK sebagaimana yang telah disumbangkan oleh beberapa aktiviti teras sebelumnya.

Pengerusi Kelstone, YB. Tuan Hj. Ahmad Yakob dalam ucapannya berkata bahawa segala jenis mineral dan batuan yang terselindung di perut bumi adalah sumber alam yang telah dianugerahkan oleh Allah swt. Sesungguhnya anugerah ini akan memberi faedah dan manfaat yang begitu tinggi nilainya kepada manusia. Pun begitu, sebarang usaha atau aktiviti bagi mendapatkan sumber-sumber tersebut perlulah dilakukan

secara penuh hemat dan terancang. Dengan lain perkataan, kita mampu mendapatkan hasil yang tersembunyi tetapi kemusnahan alam semulajadi perlu kita hindari. Ianya perlu kekal untuk terus dinikmati oleh segenap lapisan generasi. Selain daripada memberikan kepercayaan, YB. Pengerusi juga turut melahirkan harapan beliau bahkan Kerajaan Negeri agar pihak yang terbabit mampu menggunakan setiap peluang yang diberikan dengan sebaik-baiknya. Diharapkan mereka mampu memberikan pulangan dan hasil yang tinggi kepada Kerajaan Negeri yang mana pastinya hasil tersebut akan diolah dan disalurkan semula melalui usaha-usaha pembangunan yang pastinya pula dapat dinikmati secara saksama oleh semua rakyat.

Selain daripada perjanjian usahasama di antara Kelstone dan Encoline pada majlis ini, Surat Perlantikan Kontraktor Bagi Kerja-Kerja Melombong Barite di Sungai Pedah juga telah ditandatangani. Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Syarikat terbabit serta Ketua-Ketua Jabatan yang menghadiri majlis ini juga masing-masing menaruh harapan agar segala usaha murni yang akan dijalankan nanti mampu membuahkan kejayaan. Mereka juga sepakat untuk sama-sama menangani sebarang masalah secara tolak ansur, semangat setia kawan dan profesional. Yang pasti kejayaan dan hasilnya dapat dinikmati bersama.

**PERDANA RESORT LANCARKAN
KEMPEN SENYUM SOKMO DAN LAMAN WEE**



Perdana Resort Pantai Cahaya Bulan salah sebuah syarikat anak dalam Kumpulan PKINK telah melancarkan Kempen Senyum Sokmo dan Laman Web mereka pada 26 Zulkaedah 1423 bersamaan 29 Januari 2003. Majlis ini telah dihadiri oleh Ahli-Ahli Lembaga Perdana Resort, Ahli-Ahli Majlis Eksekutif PKINK, Ketua-Ketua Bahagian dan seluruh warga kerja Perdana Resort. En. Zainal Abidin Husin, Pengurus Besar Perdana Resort semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis tersebut berkata, Kempen Senyum Sokmo yang dilancarkan pada pagi ini merupakan turutan kepada beberapa jenis kempen serta usaha penggalakkan yang telah diadakan sebelumnya. Selain daripada turutan kepada kempen-kempen sebelumnya, Kempen Senyum Sokmo merupakan tindakan segera pihak pengurusan memandangkan terdapat teguran dari pihak pelanggan bahawa ada segelintir warga kerja Perdana Resort yang tidak mesra pelanggan. Mereka amat kedekut dan begitu sukar untuk memberikan senyuman yang kelangsungan daripada sikap tersebut ialah kewujudan suasana yang tidak ceria lantaran timbullah anggapan dan pelabelan bahawa warga kerja Perdana Resort tidak mesra pelanggan. Menyedari bahawa pelanggannya yang mendatangkan kesan langsung samada dari segi kerancakan urusniaga, sumbangan pendapatan bahkan dayahidup syarikat, pihak pengurusan telah tidak teragak-agak untuk mengambil langkah tegas dengan memperkenalkan kempen-kempen yang menjurus kepada pembaikan imej Perdana Resort dikalangan pelanggan. Dalam hubungan yang sama, kepercayaan pelanggan akan berkekalan dan sokongan mereka akan berterusan. Beliau menambah kata bahawa pelaksanaan peraturan melalui kempen ini bukanlah untuk menyusahkan anggota sebaliknya ia merupakan usaha peningkatan kualiti khidmat pelanggan yang mana mereka akan merasa lebih dihargai; sememangnya syarikat dan pelanggan saling memerlukan.

Perkembangan perniagaan masakini sememangnya semakin mencabar. Semua pihak yang terbabit perlu berusaha untuk merebut peluang sebanyak dapat dan seberapa cepat. Dalam konteks ini perkhidmatan 'on-line' merupakan pilihan terbaik. Pada majlis yang sama, Perdana Resort telah melancarkan Laman Web mereka iaitu www.pr.com. Dilengkapi dengan perisian maklumat yang sentiasa dikemaskini merangkumi kemudahan, perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti yang ditawarkan. Laman Web tersebut www.pr.com telah memberi kemudahan kepada pelanggan dari seluruh ceruk rantau untuk membuat tempahan secara 'on-line'.

Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Yabrs. Tuan Hj. Hanifa Ahmad ketika berucap merasmikan majlis tersebut telah menyarankan warga kerja Perdana Resort agar menjadikan peraturan-peraturan dalam kempen tersebut malahan kempen-kempen yang pernah diadakan sebelumnya sebagai amalan harian yang menonjolkan keperibadian yang luhur sebaliknya bukanlah sebagai satu keterpaksaan. Warga kerja juga disarankan supaya sentiasa melipatgandakan usaha demi menjamin peningkatan prestasi dan pencapaian syarikat. Beliau memberi jaminan bahawa imbuhan dan ganjaran yang sewajarnya akan diusahakan oleh pihak pengurusan bahkan ada yang telah tersedia menanti bagi setiap kecemerlangan yang disumbangkan.

Kita perlu redha dan ikhlas dengan apa yang kita lakukan. Sesungguhnya kita sesama kita dan sesiapa sahaja malahan dalam sebarang keadaan sering memerlukan.



**PERJUMPAAN MAJLIS BERSAMA JABATAN
KALI I 2003**



Majlis Bersama Jabatan (MBJ) yang berfungsi sebagai saluran perantara diantara majikan dan anggota telah mengadakan perjumpaan pertama bagi tahun 2003 pada 13 Zulkaedah 1423 bersamaan 16 Januari 2003 bertempat di Bilik Operasi, Tingkat 10 dan telah dihadiri oleh sebahagian besar anggota.

Agenda utama perjumpaan pada kali ini ialah penerangan mengenai penstrukturan semula organisasi berikutan dengan rombakan dan penempatan semula anggota-anggota pengurusan. Rombakan tersebut yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2003 telah memberikan kesan langsung kepada MBJ dimana sebahagian daripada Ahli Jawatankuasa yang telah dipilih sebelum ini terpaksa melepaskan jawatan masing-masing sebagai penyesuaian mengikut penempatan baru mereka. Sebelum perjumpaan ini diadakan, seramai lima daripada tujuh orang AJK telah melepaskan jawatan masing-masing. Bagi memilih AJK baru sebagai wakil yang akan menyambung wadah dan suara hati anggota-anggota yang hadir telah bersetuju untuk membuat pemilihan tanpa kuota mengikut kategori jawatan yang disandang dan hasilnya, keputusan pemilihan secara majoriti adalah sebagaimana berikut:-

| | |
|--------------|-------------------------------|
| Pengerusi - | En. Mohd. Rozli b. Mohd. Noor |
| Setiausaha - | En. Wan Azizan b. Wan Yaakob |
| Ahli - | En. Aziz b. Mahmud |
| | En. Asmadi b. Ab. Rahman |
| | En. Zainul Amin b. Mohd. Zair |
| | En. Ridzuan b. Sidek |
| | Puan Hawa bt. Md. Salleh |

Kami, anggota-anggota PKINK merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada AJK yang terdahulu di atas segala peranan dan komitmen mereka dimana hampir kesemua tuntutan pihak anggota telah dapat diselesaikan dengan mendapat perhatian dan pertimbangan yang positif daripada pihak pengurusan. Kepada AJK yang baru dilantik pula diucapkan syabas kerana mendapat kepercayaan dan diharap perjuangannya nasib kami dengan penuh rela. Sokongan dan kerjasama keseluruhan anggota akan berterusan jua.

Perakaunan merupakan satu tatacara merekod atau catatan yang menjadi garis panduan mengenai urusniaga mahupun sebarang peristiwa yang berciri kewangan. Menyedari bahawa pengetahuan tentang perakaunan bukanlah satu keperluan sampingan sebaliknya wajib diketahui dan dipraktikkan oleh anggota-anggota pengurusan. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah mengambil inisiatif menganjurkan Kursus Perakaunan Kepada Bukan Akauntan. Kursus sehari pada 20 Januari 2003 bertempat di Hotel Perdana Kota Bharu telah dihadiri seramai 22 orang anggota pengurusan.

Impak atau keberkesanan dari sebarang penganjuran kursus sememangnya menjadi satu matlamat dan perlu diberi perhatian. Dalam hubungan ini kursus tersebut telah dikendalikan sepenuhnya oleh En. Dan Teoh, Fasilitator dari Master Class Management Kuala Lumpur. Mengadunkan kemahiran secara praktikal serta penyampaian yang lively para peserta tidak berpeluang untuk merasa boring atau mengantuk malahan sesi sehari dirasakan terlalu singkat.

Bermula dengan definisi....peserta didedahkan dengan pengetahuan teori dan praktikal merangkumi peranan Penyimpan Kira, Akauntan, Audit, Konvensyen Perakaunan, Entiti, Doktrin, Perakaunan Pengurusan, Akruan, Pengurusan Tunai dan Untung Rugi.

Sebahagian besar peserta yang mengikuti kursus ini berharap akan ada kursus-kursus susulan selepas ini memandangkan apa yang didedahkan dan dipelajari adalah berkeadaan semasa dan amat perlu untuk memperluaskan diri bagi mengharungi cabaran masa kini. Insya Allah akan dipertimbang dan diteruskan

KURSUS PERAKAUNAN KEPADA BUKAN AKAUNTAN



MAJLIS DERMA DARAH

Menyingskap lembaran tahun baru, pada 1 Januari 2003, Majlis Derma Darah telah diadakan. Majlis ini yang merupakan salah satu program kemasyarakatan yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bukanlah yang julung kali diadakan. Ianya dianjurkan bersama dengan pihak hospital. Sebagai sumbangan kemanusiaan secara langsung terutamanya bagi menampung keperluan Tabung Darah Negara yang agak kritikal, program tahun ini telah dianjurkan bersama antara PKINK dan Hospital Pasir Mas. Pemakluman mengenai program ini telah pun diedarkan kepada anggota-anggota kumpulan dan anggota-anggota syarikat di kawasan sekitar.

Program yang diadakan di Ruang Legar, Tingkat 2 ini mendapat sambutan yang agak sederhana sahaja berbanding sebelumnya. Ini disebabkan ramai anggota yang layak menderma sedang

bercuti sempena tahun baru dan juga menyedia serta mempersiapkan anak-anak yang akan kembali ke sekolah. Walaubagimanapun penganjuran program seumpama ini akan diteruskan malah kekerapannya akan dipertingkatkan lagi pada masa akan datang. Insya Allah



PERLANTIKAN KETUA EKSEKUTIF BARU INSTITUT TEKNOLOGI DARULNAIM

Institut Teknologi Darulnaim (ITD) salah satu unit bisnes Permodalan Kelantan Berhad (PKB) yang terlibat dalam bidang pendidikan tinggi telah membuat peralihan Ketua Eksekutif baru iaitu Prof. Madya Dr. Abdullah Sudin b. Abd. Rahman. Beliau yang berpengalaman selama 27 tahun di IPTA pernah memegang pelbagai jawatan seperti Penyelaras Program, Ketua Jabatan, Timbalan Pengetua, Pengetua dan jawatan terakhir di UITM Machang sebagai Pensyarah Kanan. Banyak terlibat dalam penyediaan dan pembentangan kertas kerja di dalam dan luar negara terutamanya mengenai kemiskinan. Beliau menjawat jawatan Ketua Eksekutif ITD mulai 1 Februari 2003 bagi menggantikan Haji Mohd. Sabri b. Abdullah yang bertukar sebagai Pengurus Besar PKB.

Majlis pengenalan Ketua Eksekutif ITD yang baru telah diadakan di Kampus ITD Pengkalan Chepa pada 30 Disember 2002 dengan dihadiri oleh 50 orang kakitangan dan pensyarah. Turut sama dalam majlis tersebut ialah mantan Ketua Eksekutif ITD Haji Mohd Sabri Abdullah; Pengurus Besar PKB dan juga Tuan Hj. Hanifa b. Ahmad, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK.

Dalam ucapan sulungnya, Prof. Madya Dr. Abdullah Sudin mengingatkan warga ITD supaya menjadikan aktiviti dan program pendidikan yang ditawarkan sebagai satu ibadat yang perlu disempurnakan dengan cemerlang.

Sebagai Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Tuan Hj. Hanifa memberi jaminan bahawa PKINK akan memberi segala bentuk sokongan dan pertolongan yang diperlukan bagi merealisasikan ITD sebagai IPTS yang terunggul di Kelantan dan di Pantai Timur. Beliau cukup yakin bahawa pengalaman luas Prof. Madya Dr. Abdullah pasti mampu memberikan sumbangan dan manfaat yang besar kepada ITD.

Sebagaimana kebiasaan pada tahun-tahun sebelum ini, setiap kali tamatnya Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan Penggal I, satu perlawanan bola sepak persahabatan membabitkan PKINK dan ADUN Kelantan telah diadakan. Perlawanan persahabatan pada kali ini telah diadakan pada 22 Zulhijjah 1423 bersamaan 24 Februari 2003 bertempat di Stadium Sultan Mohamad IV Kota Bharu bermula jam 9.00 malam.

Babak-babak awal menyaksikan persembahan yang agak agresif dengan serangan yang begitu sengit dari kedua-dua pihak. Bagi menebus kekecewaan tahun lepas apabila ditundukkan oleh ADUN Kelantan dengan jaringan 2-1, PKINK telah menurunkan kedua-dua Timbalan Ketua Eksekutif yang bermain di posisi striker. Wow! Wow!!..ternyata kedua-dua mereka cukup bertenaga, cukup lincah dan pastinya tidak mengecewakan. Kedua-dua pasukan telah mula berbalas-balas serangan dan dengan sedayanya berusaha untuk menembusi gawang gol lawan. Setelah tamat permainan disepuluh masa pertama, pasukan PKINK telah mampu mendahului pasukan ADUN dengan jaringan 2-1.

Memulakan babak permainan separuh masa kedua, corak permainan PKINK mula tampak goyah. Apa tidaknya...sebahagian besar pemain yang diturunkan adalah ahli veteran. Ada yang sempit dan ada yang mengah. Hasil dari gelecekan dan gerakan cantik oleh pemain ADUN yang sememangnya tidak mahu mengalah, akhirnya gawang gol PKINK telah berjaya dibolosi menjadikan kedudukan 2-2.



PERLAWANAN BOLA SEPAK PERSAHABATAN ANTARA PKINK MENENTANG ADUN KELANTAN



Kedudukan jaringan ini terus kekal sehingga permainan tamat. Biar pun kedudukan seri, namun sebagai penghormatan kepada pasukan ADUN selaku pasukan tetamu, PKINK dengan rendah hati memberikan laluan yakni johan diberikan kepada pasukan ADUN. Hadiah-hadiah dan piala kejohanan yang disumbangkan oleh Yabrs. Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK telah disampaikan oleh YBrs. Tuan Hj. Mohd. Suhaimi Husin, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P)

CERAMAH IBADAT HAJI DAN KORBAN

Bulan Zulhijjah sudah pun menjengah dan sedang kita lewati. Tidak lama lagi umat Islam diseluruh dunia akan menyambut Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Haji. Menantikan kedatangan hari yang mulia ini, warga kerja PKINK telah dihidangkan dengan ceramah khas bertajuk 'Ibadat Haji dan Korban'. Ceramah yang diadakan pada 4 Zulhijjah 1423 (Khamis) ini telah menampilkan penceramah undangan iaitu Ybrs. Ustaz Mohd. Nasir Mohamad dari Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Memang banyak intipati yang dapat diperolehi daripada ceramah tersebut. Diantara intipati yang utama ialah:-

1. Ibadat korban yang kita lakukan bukanlah sekadar untuk suka-suka atau menunjuk-nunjuk. Korban dinilai berasaskan keikhlasan dan kerediaan kita ketika melakukannya.
2. Sebaik-baik cara; daging korban dibahagikan kepada tiga bahagian; sebahagian untuk diri sendiri, sebahagian untuk jiran dan sebahagian lagi untuk fakir miskin.
3. Tidak digalakkan untuk mengambil sarapan pada pagi Hari Raya Aidiladha tetapi sebaliknya digalakkan untuk mengambil sarapan yang menghidangkan daging korban pada tengah harinya.
4. Semua umat Islam adalah digalakkan untuk ke masjid. Takbir Hari Raya pula tidaklah terhad di masjid sahaja.
5. Selepas selesai menunaikan Solat Sunat Aidiladha kita semua digalakkan untuk bersedekah sekadar mampu dan penuh rela.
6. Daging korban tidak harus disimpan lama malahan seboleh-bolehnya hendaklah dihabiskan sebelum Hari Tasyrik.

Dipenghujung sesi ceramah tersebut, warga kerja yang hadir telah mengambil peluang untuk bersoal jawab khususnya dalam mendapatkan pengertian dan kefahaman yang lebih jelas dan nyata mengenai topik yang telah diketengahkan.



TAKLIMAT KESEDARAN BERZAKAT

Setiap umat Islam di dunia pastinya sentiasa mengharapkan sebuah kehidupan yang murni damai dalam keredhaan serta limpahan taufik dan hidayah Allah yang berpanjangan. Kedamaian dan kemurnian tersebut pula tidaklah datang secara bergolek justeru dengan kesempurnaan akal yang telah dianugerahkan Allah swt, kita perlu berusaha untuk memperolehinya berpandukan kepada Rukun Islam yang lima.

Menunaikan zakat dan fitrah adalah wajib terhadap semua umat Islam sebagaimana yang telah disebut dan diperjelaskan dalam Rukun Islam yang ke-4. Walaupun begitu, dalam menjalani kehidupan seharian ada kewajiban berzakat yang tidak tertunai kerana kurang arif atau kefahaman yang tidak begitu jelas. Bertujuan untuk melerai permasalahan serta menunaikan kewajiban berzakat, Taklimat Kesedaran Berzakat khusus untuk anggota PKINK telah diadakan pada 25 Zulhijjah 1423 bersamaan 27 Februari 2003. Bagi mengupas dan memperjelaskan tentang kewajiban berzakat dikalangan umat Islam, Ybhg. Ustaz Mustada Abdullah dari Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) telah hadir selaku penceramah undangan.

Anggota PKINK yang mengikuti taklimat ini dianggap benar-benar beruntung kerana banyak kekeliruan dan kekusutan tentang zakat dapat dileraikan. Sebahagian daripada kita menunaikan kewajiban berzakat berdasarkan kepada fahaman yang paling asas sedangkan apabila mengikuti kupasan penceramah secara lebih terperinci ternyata ianya lebih kompleks dan menyeluruh. Diantara kupasan yang perlu diberi perhatian secara serius ialah :-

- Fatwa Mengenai Zakat Penggajian
- Tatacara dan Contoh Pengiraan Zakat Gaji
- Penyelarasan Antara MAIK & LHDN

Apa yang paling jelas ialah pendapatan bergaji adalah wajib dikeluarkan apabila cukup nisab dan haulnya manakala Potongan Cukai Berjadual (PCJ) untuk Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) pula boleh dikurangkan apabila kita membuat Potongan Zakat Berjadual. Selain daripada penyampaian maklumat secara lisan, anggota PKINK yang hadir juga telah diberikan risalah-risalah untuk rujukan lengkap serta Borang Kebenaran dan Persetujuan Potongan Gaji Bulanan. Kesemuanya adalah demi kesedaran serta menunaikan zakat sebagai satu rukun dan wajib terhadap kita semua. Insya Allah kita akan cuba menunaikannya.



MAJLIS PECAH TANAH PUSAT PERDAGANGAN

Pusat Perdagangan KB telah diadakan pembinaannya di atas tanah seluas 15.16 hektar di Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) 16, Jalan Hamzah, Kota Bharu. Projek sepenuhnya oleh Lembaga Kencana Sdn Bhd.

Pusat Perdagangan KB yang merupakan projek bawah PKINK salah Agensi Kerajaan Tentera, adalah sebuah pusat yang terancang dan akan beroperasi di bawah Pusat Perdagangan KB akan beroperasi di bawah Kumpulan Tentera.

Fasa I membabitkan tanah seluas 9.752 hektar sebagai komponen projek yang terdiri daripada:

KB Mall - Satu blok pusat membeli-belah akan menempatkan sebuah pusat membeli-belah aneka, gelanggang tempin bowling 3, restoran, makanan segera, Hypermarket, dan pejabat akan beroperasi di bawah Kumpulan Tentera.

KB Bazaar - Satu blok pusat membeli-belah akan menempatkan 236 buah lot kedai dan pejabat satu pusat membeli-belah bersepadu dan pejabat kraftangan serta lain-lain produk perindustrian Kelantan.

Hotel Kelas Perniagaan - Sebuah hotel kelas menengah akan menempatkan pelbagai jenis bilik penginapan pelbagai jenis perkhidmatan serta lain-lain kemudahan keperluan terkini bahkan untuk tempoh jangka panjang dengan peningkatan permintaan di sektor pelancongan.

Pembinaan Fasa I Projek Pusat Perdagangan KB akan siap pada suku ketiga tahun 2004.



IRASMIKAN OLEH
Y.A.B. HAJI ABDUL
ANTAN
Projek KB Mall



Y.A.B. Tuan Guru Dato' Menteri Besar
Berucap merasmikan majlis



Ground breaking.....

Fasa II membabitkan tanah seluas 5.957 hektar pula akan dibangunkan dan dilengkapi dengan komponen-komponen yang terdiri daripada:-

- Rangkaian 96 buah lot kedai dan pejabat setinggi 3 hingga 4 tingkat.
- Terminal Bas KB yang akan menjadi nadi kepada perkhidmatan pengangkutan awam di negeri Kelantan dan di Kota Bharu khususnya.

Pembinaan Fasa II Projek Pusat Perdagangan KB dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2005 nanti.

Pusat Perdagangan KB dengan anggaran kos pembinaan bernilai RM200 juta apabila siap sepenuhnya nanti akan muncul sebagai sebuah pusat perdagangan dengan satu konsep baru iaitu 'Semua

Dalam Satu'. Kita semua boleh menikmati membeli-belah seperti hypermarket, gedung aneka, restoran serta pejabat terbesar.

Majlis Pecah Tanah bagi memulakan projek tersebut telah diadakan pada 19 Februari 2003. Yab Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK dalam ucapan alim telah melahirkan setinggi-tinggi rasa syukur kerana projek ini yang tertangguh sekian lama telah dapat

PECAH TANAH PERDAGANGAN KB

dicadangkan dan dirancangkan luas 15.71 ekar milik Perbadanan (PKINK) yang terletak di Seksyen 1. Projek ini akan dibangunkan oleh LKD Sdn. Bhd. (LKD).

VIP di pentas utama

supaya merupakan sebuah projek mega di Kelantan Negeri Kelantan. Sebagai projek ini akan menjadi mercu tanda di Kelantan akan dibangunkan dalam dua fasa.

Fasa 1 meliputi 9.753 ekar dengan komponen-komponen seperti:-

1. Membeli-belah setinggi 3 1/2 tingkat dan sebuah hypermarket, gedung parking 30 lorong serta restoran dan gedung aneka di KB Mall ini termasuk The Store.

2. Perniagaan setinggi 4 tingkat yang termasuk kedai. KB Bazaar akan menjadi pusat perdagangan dalam konteks perniagaan untuk penghasilan rakyat negeri Kelantan.

3. Sebuah hotel dengan dilengkapi 300 bilik, 300 bilik jenis, dewan, kelengkapan kemudahan bagi menampung pengunjung tempoh jangka panjang sejajar dengan di kalangan peniaga serta pejabat kerajaan.

Perdagangan KB dijangka siap



VIP meninjau komponen projek yang akan dibangunkan nanti



Projek KB Bazaar



Bila projek ni siap nanti...pasti aku beli satu....

menaruh harapan yang tinggi agar pihak LKD yang terpilih daripada beberapa pemaju yang telah membuat permohonan dapat menyiapkan kerja-kerja pembinaan mengikut jadual.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB. Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan yang juga Pengerusi PKINK. Dalam ucapan perasmianya pada majlis tersebut beliau menegaskan bahawa tuduhan dan tohmahan bahawa pembangunan di negeri Kelantan agak ketinggalan dan terkebelakang berbanding dengan negeri-negeri lain adalah kurang tepat. Apa yang nyata pembangunan di Kelantan dijalankan secara terancang dan berperingkat-peringkat bergantung kepada Keperluan.

Majlis ini telah dihadiri oleh En. Chia Ui Chong, Pengarah Eksekutif LKD, En. Mohd. Kamal Bilal, Pengerusi The Store dan En. Tang Yeam Soon, Pengarah Urusan The Store. Ahli-Ahli Exco Kerajaan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri serta lain-lain tetamu yang melebihi 500 orang turut hadir.

membeli belah di bawah satu bumbung dan juga riadah di gelanggang bowl-

tersebut telah diadakan pada 17 Ogos 2013. Yabrs. Tuan Hj. Hanifa Ahmad, Pengerusi aluannya pada majlis tersebut menegaskan bahawa perancangan pembangunan ini dapat direalisasikan. Beliau juga

MANDIAN WAP HERBA & URUTAN TRADISIONAL UNTUK KESIHATAN

Hidup di zaman moden dan serba maju sememangnya amat mencabar. Kehidupan kita tak ubah satu perlumbaan. Saban hari kita terpaksa berlari mengejar atau dikejar waktu. Saban hari pula kita terpaksa menempuhi pelbagai tekanan yang kadangkala tidak bertanggung kerana diluar keupayaan. Ekoran daripada itu pelbagai masalah timbul dan pelbagai penyakit mula menyerang yang adakalanya kita benar-benar tidak mampu mencari jalan keluar biarpun telah berusaha dan berikhtiar secara berterusan.

Perdana Resort yang mengambil pendekatan baru iaitu keperihatinan masyarakat telah mengambil inisiatif disamping menambah rangkaian perkhidmatan yang telah sedia ada. Kembali ke alam semulajadi dengan menggunakan sumber alam seadanya; Perdana Resort telah menyediakan dan melancarkan Perkhidmatan Mandian Wap Herba dan Urutan Tradisional. Cetusan idea oleh Ahli-Ahli Lembaga dan ditinjau secara terperinci oleh Pihak Pengurusan melalui beberapa siri lawatan dan perbincangan. Mandian Wap Herba dan Urutan Tradisional telah menjadi satu realiti dimana Pelancaran Perasmianya telah disempurnakan oleh YB. Tuan Hj. Mohd. Apandi Mohamad, Pengerusi Lembaga Pengarah Perdana Resort pada 29 Zulkaedah 1423 bersamaan 1 Februari 2003.

Perkhidmatan yang ditawarkan disini akan dikendalikan secara usahasama dengan En. Mahadi Ibrahim, seorang Pengusaha Herba dan Pakar Urutan Tradisional yang tidak asing lagi di Kelantan. Orang ramai boleh mendapatkan khidmat dan rawatan tersebut di Pusat Rawatan Khas yang beroperasi setiap hari dari jam 11.00 pagi hingga 10.00 malam. Menggunakan bahan-bahan herba serta rempah ratus terpilih, Mandian Herba mengenakan caj sebanyak RM15.00 sejam bagi dewasa, RM8.00 sejam bagi kanak-kanak (4-6 tahun) manakala untuk Ahli Kelab Eksekutif Perdana Resort pula caj yang dikenakan sebanyak RM10.00 sejam. Bagi Urutan Tradisional pula caj yang dikenakan ialah sebanyak RM30.00 sejam. Bagi menjamin keselesaan pelanggan, dua ruang rawatan berbeza disediakan bertujuan mengasingkan pelanggan lelaki dan wanita.

Mengikut pandangan serta pendapat orang tua-tua, kedua-dua rawatan tersebut iaitu mandian wap herba dan urutan tradisional adalah sesuai dan baik dicuba untuk mengubati pelbagai jenis penyakit yang antaranya ialah:-

- Menaikkan Seri Wajah, Resdung(Seduang), Lenguh Lumpuh, Darah Tinggi, Kencing Manis, Sembab, Gatal-gatal, Kebas, Melawas Pernaasan, Wanita Lepas Bersalin, Penyakit Asma, Sakit Urat Saraf, Menyihatkan Tubuh Badan dan Mengurangkan Berat Badan.

Orang ramai yang menghadapi masalah atau penyakit-penyakit tersebut boleh mendapatkan keterangan lanjut dan temujanji dengan menghubungi:-

Jabatan Sukan & Rekreasi
Perdana Resort PCB Beach
Jalan Kuala Pa' Amat, PCB
Peti Surat 121,
15710 KOTA BHARU.

Tel: 09-7744000 Faks: 09-7744980 Email:presort @ tm.net.my [website: www.pr.com](http://www.pr.com).



Selamat mencuba. Mudah-mudahan usaha ikhtiar kita untuk kekal sihat dan melalui kehidupan yang sejahtera akan mendapat keberkatan jua.

KEJOHANAN BADMINTON PIALA KURNIAAN KDYMM AL-SULTAN DAN DYMM RAJA PEREMPUAN KELANTAN 2002



Gandingan Eksekutif senior dan Junior



Diantara pasukan yang bertanding

Kejohanan ini yang bermula dari 5 hingga 8 Februari 2003 telah disertai oleh hampir 40 buah agensi merangkumi Penguasa Tempatan, Badan-Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan. Kejohanan ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu lelaki bagi merebut Piala Kurniaan KDYMM Al-Sultan Kelantan manakala wanita pula untuk merebut Piala Kurniaan DYMM Raja Perempuan Kelantan. Pasukan KDYMM Al-Sultan dan DYMM Raja Perempuan Kelantan serta Pasukan Kerabat Al-Sultan yang diketuai oleh YTM Tengku Mahkota Kelantan telah berkenan menyertai kejohanan yang bertangsong di Dewan Badminton Tengku Anis, Padang Tembak.

Sebagaimana kebiasaannya, syarat penting bagi penyertaan dalam kejohanan tersebut ialah setiap pasukan mesti disertai oleh Regu VVIP yang terdiri daripada Ketua Jabatan atau Timbalan disamping penyediaan dua regu VIP dan dua regu terbuka. Para pemain mestilah terdiri daripada anggota jabatan atau agensi yang diwakili. Penyertaan dan cabaran PKINK pada tahun ini telah diketuai oleh Tuan Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir, Timbalan Ketua Eksekutif (HEK).

Perlawanan diadakan secara Liga Kumpulan dimana

Johan dan Naib Johan Kumpulan akan layak bermain dalam pusingan kedua yang akan diadakan secara Kalah Mati. Pasukan PKINK telah diundi bersama-sama pasukan dari Mahkamah Tinggi, Jabatan Kerja Raya, Tenaga Nasional Berhad dan Jabatan Pembangunan Persekutuan. Pada perlawanan pertama Pasukan PKINK telah tewas kepada Pasukan Mahkamah Tinggi dengan agregat 2-3, kemudiannya menang ke atas Pasukan JPP dengan agregat 4-1. Pada sebelah malamnya pula, PKINK sekali lagi tewas kepada Pasukan TNB dengan agregat 2-3. Walaupun PKINK menang pada keesokannya ke atas JKR dengan agregat 3-2 lanya tidak mampu merubah keputusan keseluruhan dimana Pasukan Mahkamah Tinggi dan Pasukan TNB telah layak ke pusingan kedua.

Keputusan akhir kejohanan sekali lagi menyaksikan Pasukan KDYMM Al-Sultan muncul juara setelah menewaskan Pasukan Kerabat dengan kiraan 5-0, Tempat ketiga telah dimenangi oleh Pasukan Polis Kontinjen Kelantan setelah menundukkan Pasukan Mahkamah Tinggi dengan kiraan 3-2.

Hadiah-hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh KDYMM Al-Sultan pada 8 Februari 2003, jam 8.30 malam bertempat di Hotel Diamond Puferi Kota Bharu.



*Eh... eh... halpa koktu...
demo tukar court ke?...*

Keranamu..... WARDINA



Alhamdulillah..... Itulah perkataan pertama lahir dari bibir saya sebaik sahaja Majlis Hi-Tea Sepetang Bersama KEKWA dan Celebrity yang diadakan pada 23 Jan 2003 bertempat di Dewan Bunga Tanjung, Hotel Perdana berakhir pada petang itu. Hilang sudah keluh kesah dan debaran yang berminggu beraja di hati, diganti pula rasa penat membelenggu diri.

Majlis yang diserikan dengan kehadiran personaliti jemputan WARDINA telah berlangsung dalam suasana penuh meriah, malah turut diceritakan dengan kehadiran tetamu-tetamu kehormat iaitu YABhg Datin Hajjah Tuan Sabariah Tuan Ishak, isteri kepada YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan, Datin Hajjah Aminah bt Abdullah, isteri kepada Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan, isteri-isteri EXCO, isteri-isteri kumpulan pengurusan PKINK iaitu Puan Hajjah Zaharah Rosminah Amaluddin, Puan Norazian Adnan dan para jemputan yang lain.

Mengimbas sedikit sejarah KEKWA, ia bermula dalam tahun 1974 dengan tertubuhnya BIRO WANITA yang dibentuk dibawah KSK PK. Biro ini ditubuhkan untuk menerajui aktiviti-aktiviti anggota wanita kumpulan PKINK. Dalam tahun 1997, BIRO WANITA telah ditukar kepada KELAB KEBAJIKAN WANITA atau lebih popular dengan panggilan glamournya KEKWA.

Majlis Hi-Tea ini telah dibahagikan kepada beberapa segmen iaitu segmen senamrobik oleh anak-anak ahli KEKWA, segmen tarian endang oleh ahli KEKWA, segmen cabutan bertuah dan yang paling dinantikan iaitu segmen bersama celebrity. Majlis bermula dengan ucapan aluan Pengerusi KEKWA diikuti dengan ucapan perasmian oleh YABhg Datin Hajjah Tuan Sabariah Tuan Ishak dan yang paling syahdu adalah ucapan aluan yang dibacakan dalam bentuk sajak oleh Puan Hajjah Zaharah Rosminah Amaluddin isteri kepada Ketua Eksekutif PKINK.

Sambil menjamu selera, gelak ketawa para jemputan mengiringi persembahan senamrobik yang dipersembahkan oleh anak-anak ahli KEKWA. Persembahan senamrobik ini adalah dibawah tunjuk ajar Puan Rosenah Ariffin. Rata-rata anak-anak ini berusia dalam lingkungan 4-10 ta. Segmen persembahan tarian endang pula menyusul diikuti pula dengan cabutan bertuah dan segmen favourite iaitu Segmen Bersama Cele. Melalui segmen ini personaliti Wardina telah menunjukkan cara-cara memakai tudung berdasarkan kepada corak, warna dan saiz tudung disesuaikan dengan pakaian. Kecantikan, kelembutan dan kepetahan berbicara personaliti ini telah memikat ramai jemputan dan masing-masing tidak mau ketinggalan mendapatkan tandatangan beliau selain bergambar kenang-kenangan.

Di kesempatan ini sebagaimana ucapan Pengerusi, ingin sekali KEKWA merakamkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada jabatan kerajaan, agensi-agensi swasta, badan-badan korporat, persatuan-persatuan wanita serta individu-individu yang bermurah hati membe

Biodata Seorang Wanita

Z.R.ABAD 5.9.2002

Teman....

Kelesuan, kegelisahan
Keperitan dan kesakitan
9 bulan dalam kandungan
Hilang bersama titik-titik peluh
Dan degup-degup jantung yang dipertaruhkan
Ibu terkulai lesu
Mendengar tangisan
Lahirnya seorang hamba Allah
Dari umat Muhammad SAW
Dan ibu tersenyum penuh syukur
Bila bidan membisikkan
Tangisan itu
Dari seorang bayi perempuan

Teman.....

Kau disambut dengan penuh kesyukuran
Diqamat, dipeluk dan dicium
Ayah ibu memanjatkan doa
Ya Allah, jadikan anak perempuanku ini
Seorang wanita solehah dikemudian hari
Dan kau membesar dalam belaian
Kasih sayang ayah ibu
Abang, kakak, datuk dan nenek
Tangis dan tawamu
Nakal dan petah lidahmu
Menjadi penyeri dan menghidupkan
Suasana sebuah keluarga bahagia

Teman.....

Kini tiba masa persekolahan
Ayah ibu yang menentukan
Kamu pulang petah dengan doa-doa
Atau leka dengan nyanyi nyanyian
Mengenal Ail Ba Ta, ABC dan 123
Asyik pula melukis dan mewarna
Benarlah kata Muhammad SAW
Ayah ibu yang mencorakkan
Jadi Muslimat, Nasrani atau Yahudikah kita

Teman....

Dari tadika ke menara gading
Kamu diiringi dengan doa dan airmata
Ayah ibu berulang kali berpesan
Anakku,
Jadilah anak yang berguna
Jadilah pelajar yang tekun berusaha
Jadilah remaja yang berakhlak
Jangan dekati bohyai, nanti kau digelar bohsia
Jangan terikut-ikut budaya barat
Walhal mereka kini berada di puncak ketamadunan
Dan sedang menjunam turun kekacauan kehancuran
Bersopan anakku dalam berpakaian
Jangan dedahkan bafis dan paha gebumu
Jangan cuba-cuba bangkitkan nafsu
Nafsu serakah mata-mata liar
Yang memang berkellaran
Di bumi Allah ini
Andainya kau selamat anakku Alhamdulillah
Tapi kasihanilah bayi dan kanak-kanak perempuan
Jadi korban jadi mangsa kerana tiada upaya
Dan kekal dalam mimpi ngeri
Sepanjang hayat

Teman...

Kini kau pulang
Dengan segulung ijazah di tangan
Ayah ibu yang telah meniti senja
Bergenang matanya tanda syukur dan bangga

Puterinya bakal berjasa
Pada agama, pada bangsa dan negara
Samada kau guru, pegawai, doktor
Usahawan atau seorang surirumah
Di bahumu terpikul tanggungjawab
Dengan segala macam etika
Yang akan menentukan
Gagal atau jayanya
Sebuah institusi yang diamanahkan

Teman...

Dalam leka berulang alik
Dari rumah ke tempat kerja
Dari tempat kerja ke rumah
Kau diintai dan dirisik
Bekal suami dan mertua
Oh, meriahnya suasana
Bertungkus lumus sanak saudara
Untuk memastikan kau bergelar isteri
Penyeri sebuah rumahtangga

Teman.....

Kini sejarah berulang semula
Baru kau sedar
Betapa payah menjadi bakal ibu
Kelelahan, keperitan, kesakitan, air mata dan doa
Untuk melahirkan zuriat kamu dan suami tercinta
Tapi kau tidak kenal alpa
Membahagikan masa rumahtangga dan kerjaya
Di pejabat kau jadi perhatian
Kesefiaan, kesungguhan dapat penghargaan
Di rumah kau jadi idola
Kepada anak-anak
Teman hidup, kekasih dan penawar
Kepada lelaki yang bergelar suami
Dan kini kau telah bersara
Dalam 56 tahun usia

Teman...

Setelah bergelar pesara
Kau sibuk mengejar masa
Ke kelas mengaji dan kelas agama
Disamping mengasuh cucu yang ada
Bekal perlu dicari
Sebelum nyawa diambil pergi
Duhai, masih panjangkah masa
Terasa amat banyak ketinggalan
Walhal sebenarnya kau lupa
Sejak kau mengenal dan boleh membeza
Yang bersih dan yang kotor
Yang halal dan yang haram
Perlakuanmu semua ibadah
Dan sudah diambil kira
Untuk dipertanggungjawabkan
Di Padang Mahsyar sana

Teman.....

Jujurlah pada diri sendiri
Gunakan peluang yang ada
Dan pastikan darah daging
Lemak lendir suami diri dan zuriat kita
Datangnya dari wang dan punca rezeki
Yang halal
Bertaubat, bersabar dan bersyukur dengan tiap ujian
Sebelum biodata seorang wanita berakhir

MUHASABAH HIJRAH DARI KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

" Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu dilehermu dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabis-habisnya, kerana akibatnya akan tinggalah engkau dengan keadaan yang tercela serta kering keputusan".

(Surah Al-Israa'-Ayat 29)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah syukur ke hadirat Allah swt. kerana dengan limpahan taufik dan hidayahNya kita kembali membuka mata dan melangkahkkan kaki ke Tahun Baru Hijrah 1424. Sesungguhnya kedatangan tahun baru bukan sekadar petanda untuk menilai pencapaian azam lama dan membuat azam baru. Apa yang paling utama bagi kita dalam meneruskan kehidupan dan perjuangan adalah muhasabah diri iaitu menilai tentang peranan dan pencapaian sebenar kita bagi tempoh masa yang telah kita lalui. Renungi dan kenallah siapa kita, dimana kedudukan kita dan apakah kebaikan-kebaikan yang telah kita sumbangkan ?.

Sebagaimana yang telah kita sedia maklum, iklim dan senario ekonomi global masakini amat goyah dan tidak menentu lantaran bahang dan cabarannya pasti kita rasakan. Dalam konteks ini, sukaulah saya menyeru seluruh warga kerja PKINK agar mempertingkatkan dayausaha dan perlengkapkan diri dengan segala bentuk pengetahuan dan keupayaan terkini agar kegoyahan tersebut dapat kita atasi. Bepeluk tubuh kerana berpuas hati dengan pencapaian sebelumnya yang tidak seberapa dan berdiam diri tanpa tindakan baru kerana takut mengundang risiko tidak akan membawa kita kemana sebaliknya kita akan terus terbelenggu dan diilingkari kemelut lama. "Hanya mereka yang berani menghadapi kegagalan akan mencapai kejayaan".(Robert Francis Keneddy)

Kebenaran dan kasahihan fakta memang tidak dapat dihindari. Kejayaan dan kecemerlangan organisasi bukanlah ditentukan dan disumbangkan oleh segelintir anggota sebaliknya seluruh warga kerja sebagai pendokong dengan pelbagai peranan dan kebolehan adalah penyumbang. Sebagai usaha untuk mempermudah laluan bagi meraih kejayaan yang benar-benar bererti, kita para pendokong organisasi perlu bersatu antara satu sama lain. Merangkumkan segala bentuk pengetahuan, kebolehan, kepakaran bahkan kepimpinan adalah perisai yang akan membentengi kita dan dalam keadaan lain

kekuatan yang telah kita adunkan bersama pasti mampu dijadikan kuasa penggempur yang berbisa. Kita perlu ikhlas terhadap kerja, setia pada janji dan hormati sahabat kita. (Henry David Thoreau)

Sebagai pendokong organisasi yang bertanggungjawab dan berhemah, anggota kumpulan PKINK adalah diseru supaya memahirkan diri seawal kerjaya memandangkan masa yang kita miliki begitu terhad dan amat berharga. Masa tidak pernah menunggu ; hanya kita yang sering terlewat. Peluang tidak akan datang berulang kali ; hanya kita yang sering kecundang. Melabelkan diri sendiri sebagai komited kepada kerjaya perlu dihindari kerana itu semua belum pasti menjadi trademark kita. Sayugia diingatkan kepada semua anggota kumpulan PKINK bahawa kebijaksanaan yang paling jitu bagi setiap orang adalah sedar dan mengetahui yang kita tidak tahu apa-apa. (Socrates). Kesedaran ini akan menjadikan kita sebagai seorang yang menginsafi diri dan sanggup menerima kehadiran dan pandangan orang lain dengan seadanya. Kepimpinan adalah satu seni untuk mendapatkan seseorang melakukan sesuatu yang kita ingin selesaikan bukan kerana diarah sebaliknya seseorang itu memang rela melakukannya. (Dwight D. Eisenhower)

Persefahaman dan keharmonian ditempat kerja merupakan satu wadah dan medan yang membolehkan kita bekerja sebagai sebuah pasukan, berfikir secara matang dan mengatur tindakan secara terancang. Kita sesama kita perlu berusaha untuk mengelakkan ketegangan. Jangan sekali-kali kita mengumpun atau bangkitkan pertengkaran. Tumpukan kepada sesuatu isu dan isi subjek secara terbuka biarpun kita perlu memberi maklum balas serta pendekatan yang berbeza. Matlamat pencapaian adalah sama. Kecemerlangan organisasi adalah hasil dari peranan dan sumbangan kita yang samarata dan saksama. Jangan dipedulikan siapa yang akan mendapat pujian atas kerja-kerja dan kecemerlangan yang telah disumbangkan. (Benjamin Jowett). Kita tidak akan terus jatuh apabila dikeji dan kita juga tidak terus berada di atas biarpun dipuji. Kita adalah apa yang selalu kita lakukan. Keunggulan bukanlah satu lakonan tetapi satu tabiat. (Aristotle)

Akhirnya...., sekali lagi saya menyeru kepada semua anggota kumpulan. Berusahalah untuk mengenali diri sendiri, hormati rakan-rakan seperjuangan dan organisasi. Berubah, berfikir dan bertindaklah secara positif. Kita mendokong PKINK ; kejayaan PKINK ditangan kita.

Sekian. Wassalam.

SYABAS KEPADA ANGGOTA PKINK YANG DIKURNIAKAN PINGAT KEHORMATAN

Sempena perayaan Hari Keputeraan KDYMM Al-Sultan Kelantan yang ke-53 pada tahun ini, seramai lima orang anggota PKINK telah dikurniakan Pingat Kehormatan Negeri Kelantan. Pingat Kehormatan Negeri bukanlah sesuatu yang remeh dan tangkap muat dimana bagi tujuan penganugerahan tersebut pihak pengurusan telah membuat penilaian secara terperinci terhadap anggota yang benar-benar layak sebelum pencalonan dihantar kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Setiap pencalonan akan dinilai melalui proses saringan dan penilaian peringkat akhir oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Khas.

Pihak pengurusan dan seluruh warga kerja PKINK merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada mereka:-

1. Tuan Hj. Mohamed bin Ismail
* Pingat A.S.K
2. Tuan Hj. Mohd. Hanapiah bin Ismail
* Pingat A.K
3. En. Ab. Halim bin Mohamed
* Pingat P.S
4. Puan Nor Riah @ Nor Asiah binti Wan Isma'ail
* Pingat P.S
5. Tuan Hj. Mat Nawi bin Hassan
* Pingat P.P.B.

Semoga pengurniaan pingat kepada anggota tersebut akan menjadi teladan dan dorongan kepada lain-lain anggota kumpulan.

SESI TAKLIMAT KEPADA PENGETUA DAN GURU PENGELOLA PROGRAM USAHAWAN MUDA (PUM) 2003

Program Usahawan Muda yang merupakan program bimbingan keusahawanan bagi para pelajar sekolah telah dilaksanakan oleh PKINK sejak tahun 1996. Sebagaimana tahun-tahun lepas, beberapa buah sekolah di bawah Jabatan Pendidikan Kelantan (JPN) dan juga Yayasan Islam Kelantan (YIK) telah dipilih bagi mengikuti program ini bagi tahun 2003. Bahagian Pembangunan Usahawan yang dipertanggungjawabkan mengendalikan program ini telah menganjurkan sesi taklimat kepada para pengetua dan guru-guru pengelola PUM bagi tahun 2003 yang terdiri daripada 9 buah sekolah di bawah JPN manakala bakinya 6 buah sekolah lagi daripada YIK yang telah diadakan pada 3hb. Mac 2003 bertempat di Dewan Duyung, Perdana Resort.

Sesi taklimat tersebut dianjurkan bagi memberi penerangan kepada para peserta tentang tanggungjawab serta tatacara pelaksanaan PUM di sekolah masing-masing. Selain pegawai PKINK iaitu En. Rusli Ismail, turut hadir bagi memberi ceramah pada hari tersebut adalah En. Hasnul Mohamed, Ketua Penolong Setiausaha (LK), Kementerian Pembangunan Usahawan.

Sesi taklimat tersebut telah dirasmikan oleh, Tuan Hj. Mohd Suhaimi Hussin, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P), PKINK.



MAJLIS UCAPTAMA 1424 H KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN PKINK



Tarikh 3 Muharram 1424H bersamaan 6 Mac 2003 menyaksikan dan memperdengarkan luahan rasa Ketua Eksekutif melalui Majlis Ucaptama Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK. Tarikh ini dipilih bersempena dengan kehadiran tahun baru Islam 1424 Hijriah. Jika dulu Ketua Eksekutif berucap di khalayak anggota pengurusan di Perdana Resort, kali ini beliau memilih untuk berucap di hadapan semua warga kerja PKINK di bangunan PKINK sendiri.

Pertama-tamanya Ketua Eksekutif merakamkan ucapan Selamat Tahun Baru Hijriah sambil melahirkan rasa syukur kerana dilanjutkan usia dan menyeru kepada semua warga kerja PKINK untuk menanam azam baru untuk tahun ini. Dalam ucapannya Ketua Eksekutif telah menyerankan tentang betapa perlunya pembangunan sumber manusia itu ditadbirurus dengan baik untuk menjamin kejayaan PKINK dan sebagai satu badan korporat terbesar di negeri Kelantan, PKINK diharap dapat memberikan sumbangan untuk pembangunan rakyat Kelantan secara khusus dan utama. Dalam konteks ini Ketua Eksekutif menganggap beliau dan PKINK masih lagi gagal menjadi payung untuk memiayungi semua kerana selain menyumbang sebagai sebuah badan pemagaan, PKINK tidak mempunyai dana yang besar untuk memberikan sumbangan dari segi khidmat sosial. Oleh itu bersempena dengan kehadiran sinar tahun baru Hijriah ini, Ketua Eksekutif menyeru kepada semua warga kerja PKINK agar bersama membina imej korporat, bersilat daya saing dan pro-aktif, komited terhadap pekerjaan, bermotivasi, mengikis sikap negatif dalam diri dan sayang kepada organisasi serta bangga menjadi warga PKINK. Ciri-ciri inilah yang perlu ditanam bukan sahaja untuk hari ini tetapi untuk masa-masa akan datang bahkan sampai bila-bila.

Ketua Eksekutif mengakui bahawa 60% daripada sumber pendapatan PKINK berpunca dari pembangunan hartanah. Selaras dengan itu Bahagian Projek dan Hartanah akan distruktur semula dalam usaha untuk memantapkan peranan serta memajukan lagi PKINK. Ini adalah kerana PKINK mamasakan keuntungan tahun 2003 adalah dalam lingkungan RM1.4-1.5 juta melalui pembangunan projek Seksyen 6&9, Pembangunan Jalan Hamzah, pembangunan projek di Jeli dan pembangunan Kelantan Trade Centre (KTC) yang dijangka bermula bulan November 2003. Seturut dengan itu jua kawasan-kawasan industri akan disusun semula supaya ia lebih bersifat 'profit motivated'.

Bahagian Kewangan akan berpadu tenaga secara giat dengan Bahagian Perancangan Korporat untuk memantau akaun-akaun PKINK dan syarikat-syarikat anak. Ketua Eksekutif memaklumkan bahawa Syarikat Anak berhutang dengan PKINK sebanyak RM79 juta. PKINK dengan ini bertegas dengan pendirian tidak akan bertolak ansur dan tidak mahu lagi menjadi penyelamat kepada syarikat-syarikat anak yang tidak membayar hutang. Oleh itu semua syarikat anak perlu memajukan lagi aktiviti syarikat masing-masing untuk mencapai keuntungan dan membantu dengan menjelaskan hutang kepada PKINK. Bahagian Perancangan Korporat pula akan mengajukan 'Strategic Plan' untuk tempoh 5 tahun untuk PKINK dan syarikat-syarikat anak.

Bahagian Audit & Naziran disarankan agar menjalankan kerja-kerja audit secara berhemah dan professional supaya dapat menuai rasa hormat dari kedua belah pihak. Apa yang nyata dari tindakan-tindakan yang diambil dan ditunjukkan oleh PKINK kebelakangan ini umpamanya **Lawatan Korporat**, telah menimbulkan rasa hormat dari kalangan syarikat anak terhadap PKINK. Dalam konteks ini Ketua Eksekutif memberi kuasa sepenuhnya kepada Pengurus Kewangan dan Pengurus Audit dan Naziran untuk bersemuka dengan Pengurus Besar-Pengurus Besar Syarikat Anak bagi mendapatkan penjelasan mengenai kerugian yang ditanggung oleh syarikat masing-masing. Sehubungan itu jua, sekalung tahniah Ketua Eksekutif rangkan kepada Dr Hj Ab Samad bin Alias, selaku Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Naziran yang telah memainkan peranan yang paling wajar dalam konteks memperkemas lagi kerja-kerja pengauditan.

Bahagian Pembangunan Usahawan tidak terkecuali dari mendapat sentuhan Ketua Eksekutif. Beliau memaklumkan bahawa tugas membangunkan usahawan terutamanya usahawan Melayu adalah antara tugas terawal PKINK yang semakin dilupakan. PKINK perlu menjadi pembimbing kepada usahawan Melayu. Ekoran dari itu dan selaras dengan berdiri megahnya Medan Usahawan, Ketua Eksekutif amat berharap agar PKINK dapat mengawasi, membentuk dan membantu golongan usahawan Melayu yang dahagakan bimbingan dalam bidang keusahawanan.

Seuncang tahniah dari Ketua Eksekutif kepada Bahagian MIS yang kini mula mengorak langkah menjadi 'profit centre' kepada PKINK sambil berharap agar sistem akaun berkomputer dapat dilaksanakan segera. Harapan beliau jua dengan pengosongan ruang lantai Tingkat 7 oleh Kompleks Berkecayaan Kelantan (KPK) nanti, akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh MIS.

Akhir kata, marilah kita sama-sama renilai apa yang telah kita buat untuk tahun 2002 – adakah memadai atau perlu ditambah lagi dan sama-samalah kita semua bekerja sebagai satu pasukan di semua peringkat sebagai sebahagian daripada keluarga PKINK dan bekerja tanpa sebarang syak wasangka dan prejudis supaya kita akan memperolehi kecemerlangan bagi tahun ini dan tahun-tahun akan datang.

"LEADERSHIP IS NOT ABOUT BEING POPULAR AMONGST STAFF"